

Syor badan khas kesan berita palsu elak jadi viral

Membiarkan maklumat tidak sah terus merebak boleh cetus kesan negatif



MIOR KAMARUL SHAHID

miorikamarul@gmail.com

Hampir setiap hari, pelbagai bentuk mesej diterima menerusi media baharu dan media sosial. Ada mesej dalam bentuk berita video, audio, gambar dan sebagainya mengenai sesuatu peristiwa, maklumat mengenai sesuatu kejadian, nasihat supaya berhati-hati, amaran dan sebagainya. Jika dikira satu persatu, mungkin sudah beratus-ratus atau beribu-ribu mesej seperti ini diterima, dibaca dan ditonton oleh jutaan manusia, sejak media baharu dan media sosial menjadi tarikan komunikasi sesama manusia pada abad ini.

Keadaan seperti ini tidak boleh dihalang lagi kerana ia sudah menjadi sebahagian daripada bentuk komunikasi manusia yang terkini. Berikut adalah satu daripada contoh mesej yang dihantar oleh seseorang, kononnya peristiwa itu berlaku di sebuah hospital swasta terkemuka di Kuala Lumpur. Mesej ini kemudian dipanjangkan kepada entah berapa orang yang sudah membaca dan menerima impak psikologi daripadanya.

Mesej itu berbunyi: "Sila habiskan satu minit membacanya, URGENT. Tujuh wanita telah meninggal dunia selepas mencium sampel minyak wangi percuma yang dihantar kepada mereka. Produk ini adalah beracun."

"Jika anda menerima sampel percuma melalui pos seperti losyen, minyak wangi, lampin dan sebagainya hendaklah membuangkannya. Kerajaan takut ini mungkin satu lagi perbuatan penganas. Mereka tidak akan mengumumkan dalam berita kerana mereka tidak mahu menimbulkan panik atau memberi penganas idea baru. Hantar ini kepada semua rakan dan ahli keluarga. Salam sejahtera".

Satu lagi mesej berbunyi: "Ketua Polis Daerah Kajang hari ini dalam sebuah surat meminta kita semua berhati-hati terdapat sekumpulan perompak antara 7-8 orang yang menunggang motosikal Yamaha merompak wanita yang keluar sidai baju dan buang sampah. Minggu ini sudah ada dua kes berlaku di Bandar Baru Bangi dan Sungai Ramal, manakala satu kes lagi di sebuah taman di Kajang."

Kebanyakan mesej seperti ini, asalnya dihantar oleh seseorang pengirim menerusi e-mel, khidmat pesanan ringkas (SMS), Facebook, WhatsApp, Telegram dan sebagainya, kemudian merebak begitu cepat.

Sebar mesej kepada rakan

Ada antara mereka yang menerima mesej seperti ini memanjangkannya kepada rakan dan kumpulan WhatsApp dan sebagainya. Bagi mereka yang meragui mengenai kesahihan mesej seperti ini, hanya perlu baca dan memadamkannya. Selepas melihat mesej seperti ini tidak mempunyai sumber yang

boleh dipercayai, ia hanya dianggap berita palsu. Bagi sesetengah orang pula, mereka akan percaya mesej seperti ini tanpa meraguinya.

Setakat ini, banyak mesej yang dihantar melalui laman media baharu dan media sosial ini jelas mempunyai unsur jenayah yang kononnya dilakukan oleh pihak tertentu. Menyebarkan berita palsu adalah salah dan satu kesalahan kerana ia boleh menimbulkan keresahan umum.

Jika diteliti tulisan seperti ini juga, ada yang ikhlas dan berniat baik dan ada juga yang sekadar suka-suka. Melihat daripada gaya penulisan sesetengah mesej, ada yang mempunyai latar belakang seorang penulis dan tidak kurang juga yang menulis mengikut rasa. Bagi sesetengah mesej, ia begitu berkesan terutama jika ia meminta penerima supaya berhati-hati. Apa juga tujuannya, pihak berkuasa perlu menjalankan siasatan berhubung kes yang dilaporkan dalam media sosial tidak kira sama ada ia benar-benar berlaku atau sebaliknya. Jika ia benar berlaku, penyiasatan perlu dijalankan segera.

Perlu ambil tindakan

Jika ia laporan palsu, pihak polis perlu menyiasat dan mengambil tindakan terhadap mereka yang menyebarkan berita seperti itu. Sudah tentu, laporan seperti ini adalah serius kerana ia boleh menimbulkan pelbagai keadaan. Ia berbeza dengan laporan mengenai tip untuk melakukan sesuatu kegiatan seperti masak-memasak, fesyen dan sebagainya yang juga banyak dikiriskan dalam media baharu dan media sosial. Malaysia sememangnya memerlukan rakyat yang prihatin dan sensitif terhadap kejadian di persekitaran mereka.

Namun, mereka tidak sepatutnya terlalu ghairah hingga sanggup menyebarkan berita tidak benar. Sebagai contoh, ada sesetengah orang yang tidak pergi bekerja selepas membaca berita yang mengatakan bahawa ada individu tertentu sedang merayau-rayau di kawasan perumahan mereka. Disebabkan bimbang keselamatan keluarga dan anak yang berada di rumah, mereka tidak keluar bekerja.

Bagi mengelakkan keresahan rakyat, mungkin perlu diwujudkan satu unit khas kerajaan atau mengarahkan jabatan sedia ada di kementerian tertentu untuk mengesan setiap berita palsu yang tersebar dalam media baharu dan media sosial. Penjelasan spontan perlu diberikan serta-merta sebagai pengesahan sama ada maklumat itu benar atau sebaliknya. Membiarkan maklumat yang tidak sah terus 'tergantung' dan merebak boleh mencetuskan kesan negatif.

Penulis
 ialah Felo Universiti Utara Malaysia (UUM)